

NO. PERJANJIAN : _____

[UNTUK BEKALAN]

DI ANTARA

UNIVERSITI MALAYA
(PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA)

DAN

PADA _____ HB. _____ TAHUN 20_____

BAGI MEMBEKALKAN

TEMPOH PERJANJIAN : _____

NILAI PERJANJIAN : _____

NILAI CAGARAN : _____

<u>PERENGGAN</u>	<u>KANDUNGAN PERJANJIAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.	Penentuan Harga, Amaun Dan Masa	2
2.	Anggaran Keperluan	2
3.	Cagaran	2
4.	Membuat Pesanan	3
5.	Pemeriksaan Barang-Barang & Bungkus	3
6.	Bungkus	4
7.	Penghantaran Barang-Barang Yang Diimport	4
8.	Penyerahan	4
9.	Penerimaan adalah Bersyarat	9
10.	Hak UM Apabila Barang-Barang Rosak Atau Rendah Kualitinya	10
11.	Kualiti Contoh/Spesifikasi Contoh	11
12.	Hak UM Apabila Barang-Barang Terlewat Diserahkan	11
13.	Hak UM Apabila Barang-Barang Gagal Dibekalkan	12
14.	Hak UM Membeli Dari Lain-Lain Punca	12
15.	Pemulangan	8
16.	Hak UM Memotong Dari Wang Yang UM Terhutang Kepada Petender	8
17.	Pembayaran	8
18.	Perubahan Kadar Duti Dan Cukai	8
19.	Kenaikan Harga	9
20.	Perubahan Syarat-Syarat Dalam Jadual	9
21.	Gantirugi Kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya Akibat Petender Melanggar Perjanjian	9
22.	Iklan	9
23.	Penyerahan Tanggungjawab	10

<u>PERENGGAN</u>	<u>KANDUNGAN PERJANJIAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
24.	Pemberian Milik	10
25.	Pekerja	10
26.	Malapetaka	11
27.	Lanjutan Tempoh Perjanjian	12
28.	Penamatan	12
29.	Duti Stem	13
30.	Undang-Undang Kuasa	13
31.	Pertikaian	13
32.	Alamat	14
33.	Syarat-Syarat Tender/Surat Tawaran	15
34.	Kesan Perjanjian	15

CONTOH

UNIVERSITI MALAYA
(PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA)
KUALA LUMPUR

PERJANJIAN PEMBELIAN BEKALAN

Perjanjian ini Dibuat pada _____ haribulan _____ tahun _____ ANTARA **UNIVERSITI MALAYA**, sebuah universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan beralamat di 50603 Kuala Lumpur, yang bagi tujuan perjanjian ini adalah diwakili oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya (selepas ini dirujuk sebagai “**UM**”) dari satu pihak DAN _____ (nama syarikat) (**No. Syarikat : _____**) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dengan alamat berdaftarnya di _____ (selepas ini dirujuk sebagai “**Petender**”) sebagai pihak yang lain.

BAHAWASANYA UM bersetuju untuk membeli _____ [Kemudian daripada ini disebut “Barang-Barang”] daripada Petender yang mana Petender dengan ini bersetuju untuk membekal dan menyerahkan kepada UM dengan syarat-syarat yang dinyatakan kemudian daripada ini dalam tempoh selama _____ () **Tahun** bermula dari _____ hingga _____.

**MAKA OLEH YANG DEMIKIAN ADALAH DENGAN INI UM DAN PETENDER BERSETUJU
SEPERTI BERIKUT :-**

1. PENENTUAN HARGA, AMAUN DAN MASA

1.1 Petender hendaklah menjual dan menyerahantar kepada UM Barang-Barang mengikut penentuan-penentuan yang ditetapkan dalam Jadual "A".

1.2 Barang-barang yang ditentukan dalam perenggan 1.1 hendaklah dibekal dan diserahantar oleh Petender apabila dikehendaki oleh UM dengan harga, sebanyak mana, pada masa dan dengan cara yang ditentukan oleh Jadual "A".

2. ANGGARAN KEPERLUAN

2.1 UM tidak menjamin atau melibatkan dengan apa cara juga bahawa semua atau mana-mana anggaran kuantiti atau jenis barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual "A" akan dipesan dalam tempoh Perjanjian ini.

2.2 Selain daripada kuantiti yang dinyatakan dalam Jadual "A" UM boleh memesan kuantiti tambahan dan Petender hendaklah membekalnya dengan harga yang sama apabila dikehendaki oleh UM.

3. CAGARAN

3.1 Sebelum atau pada masa Perjanjian ini ditandatangani Petender hendaklah menyerahkan kepada UM Cagaran bernilai **Ringgit Malaysia** : (nyatakan nilai cagaran dalam perkataan) (**RM** _____). [Kemudian daripada ini disebut "cagaran"] dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Insurans, Jaminan Bank Islam, Jaminan Takaful atau mana-mana cara yang dipersetujui oleh UM.

3.2 UM boleh mengubah nilai Cagaran sekiranya harga atau kuantiti barang-barang tersebut berubah.

4. MEMBUAT PESANAN

- 4.1[a] Pesanan-pesanan UM akan dibuat oleh Jabatan Perolehan atau mana-mana Pegawai yang akan diberi kuasa oleh UM untuk membuat pesanan, secara rasmi dengan bertulis dan menghantar dengan pos kepada Petender di alamat seperti yang dinyatakan dalam Klausa 32.1[b] dan UM tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa pesanan yang dibuat selain daripada bertulis.
- 4.2[b][i] Pesanan yang dibuat dan dikirimkan dengan cara dan seperti mana yang dinyatakan dalam Klausa 4.1.[a] harus dianggap diterima oleh Petender selepas tiga [3] hari surat itu dihantar melalui pos biasa.
- 4.2[b][ii] Semasa membuat pesanan seandainya UM mencatatkan dalam perkara No.6, Jadual "A" bahawa barang yang dipesan adalah ex-stok, maka ex-stok tersebut hendaklah dihantARSERAH dalam tempoh tiga hari dari tarikh pesanan diterima ataupun pada satu tempoh lain yang akan dipersetujui di antara UM dan Petender.
- 4.2[b][iii] Begitu juga sekiranya pembekal menyatakan dalam inbois mereka bahawa barangan yang akan dihantar oleh mereka adalah ex-stok, maka stok tersebut hendaklah dihantARSERAH kepada UM dalam masa tiga (3) hari dari pesanan diterima atau pada satu tempoh yang telah dipersetujui di antara UM dan Petender.
- 4.3[c] Satu senarai pesanan akan dikeluarkan oleh Petender setiap bulan kepada UM untuk menentukan setiap pesanan diterima daripada UM.

5. PEMERIKSAAN BARANG-BARANG DAN BUNGKUSAN

- 5.1 Petender hendaklah pada bila-bila masa apabila diminta memberi dengan tiada apa-apa bayaran, contoh bagi barang-barang yang akan dibekalkan untuk diuji atau dicerakin dan contoh tersebut yang telah diuji atau dicerakin boleh disimpan oleh UM.

5.2 Petender hendaklah membenarkan pegawai-pegawai UM yang berkenaan memasuki kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan di mana barang-barang itu sedang diperbuat atau disimpan bagi maksud pemeriksaan, pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh pegawai tersebut.

6. BUNGKUSAN

6.1 Barang-barang yang dibekalkan hendaklah dibungkus dengan sempurna dan mengikut syarat-syarat dalam Jadual dan apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh pembungkus, pengeluar atau pembekal hendaklah diganti oleh Petender atas perbelanjaan Petender.

7. PENGHANTARAN BARANG-BARANG YANG DIIMPORT

7.1 Barang-barang yang diimport secara terus oleh Petender hendaklah melalui agen penghantaran yang ditentukan oleh UM [Kemudian daripada ini disebut "Agen Penghantaran"].

7.2 Petender hanya boleh menghantar barang-barang melalui vesal selain daripada Agen Penghantaran yang ditentukan oleh UM sekiranya terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada UM.

8. PENYERAHAN

8.1 Barang-barang yang dibungkus seperti yang dikehendaki dalam Jadual "A" hendaklah diikat dengan sepatutnya dan diserahkan mengikut tempoh penyerahan seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

8.2 Petender hendaklah menyerahkan barang-barang di tempat atau tempat-tempat seperti yang dikehendaki dalam Jadual "A".

8.3 Petender hendaklah menghantar satu surat penyerahan dengan pendua bersama-sama dengan setiap penyerahan barang-barang dan satu salinannya akan diperakuterima dan dipulangkan kepada Petender apabila barang-barang tersebut diterima.

- 8.4 Petender hendaklah pada setiap kali penyerahan barang-barang memberi satu perakuan bertulis bahawa barang-barang yang dibekalkan tidak kurang mutunya dari spesifikasi contoh atau kualiti contoh seperti yang dipersetujui dalam perjanjian.
- 8.5 Semasa penyerahan barang-barang kepada UM, Petender dikehendaki membawa peralatan sendiri bagi urusan pengangkutan barangan yang dibekalkan.

9. PENERIMAAN ADALAH BERSYARAT

- 9.1 Penerimaan UM ke atas barang-barang yang telah dipesan [sama ada barang-barang tersebut telah tiba di premis UM dan telah disimpan di UM ataupun masih dalam proses penghantaran] adalah bersyarat. UM berhak menguji dan memeriksa contoh-contoh barang yang dihantar kepadanya mengikut Klausa 5.1 dan juga barang-barang yang telah dihantarserah kepadanya selepas pesanan dibuat mengikut Perjanjian ini sekiranya barang-barang itu tidak menepati kualiti contoh atau spesifikasi contoh atau syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

10. HAK UM APABILA BARANG-BARANG ROSAK ATAU RENDAH KUALITINYA

- 10.1 Sekiranya Petender menyerahkan barang-barang dan/atau contoh-contoh barang yang tidak menepati kualiti contoh atau spesifikasi contoh atau syarat-syarat dalam Jadual "A", UM berhak sama ada ;
- [a] Menolak barang-barang itu dan menamatkan Perjanjian ini dan merampas semua cagaran ; atau
 - [b] Menolak barang-barang tersebut dan meminta mengganti barang-barang tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh UM. Sekiranya pengganti barang-barang itu tidak diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan maka UM boleh membeli barang-barang yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain dan sekiranya kos bagi memperolehi barang-barang yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain melebihi harga dalam Jadual "A", Petender dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada UM.

- 10.2 Sebagai tambahan kepada perenggan 10.1[b] Perjanjian ini, UM boleh mendenda Petender sebanyak 2 ½% dari nilai barang-barang yang dipesan itu kurang daripada RM500,000.00 atau mendenda sebanyak 5% dari nilai barang-barang yang dipesan itu sama dengan atau melebihi RM500,000.00.
- 10.3 Meskipun perenggan 10.1 Perjanjian, sekiranya barang-barang yang diserahkan oleh Petender kepada UM telah dipakai atau digunakan sebelumnya atau rosak atau rendah kualitinya dan UM atau sebab-sebab dalam keadaan-keadaan tertentu terpaksa menggunakan barang-barang itu, maka UM berhak menuntut gantirugi dan pampasan daripada Petender.

11. KUALITI CONTOH/SPESIFIKASI CONTOH

- 11.1 Bagi maksud perenggan 8, 9 dan 10 Perjanjian ini perkataan-perkataan “kualiti contoh” atau “spesifikasi contoh” bermakna kualiti atau spesifikasi barang-barang yang diserahkan oleh Petender kepada UM mengikut yang diserahkan oleh Petender kepada UM semasa menyertai tender bagi tujuan membekalkan barang-barang tersebut menurut perjanjian.

12. HAK UM APABILA BARANG-BARANG TERLEWAT DISERAHKAN

- 12.1 Sekiranya Petender lewat menyerahkan barang-barang yang dipesan oleh UM mengikut masa yang ditentukan menurut perenggan 4 atau Jadual “A”, UM berhak sama ada ;
- [a] Menolak barang-barang tersebut, menamatkan Perjanjian ini dan merampas semua Cagaran ; atau
- [b] Membeli daripada punca-punca lain sebagai ganti kepada barang-barang yang dipesan dan membatalkan pesanan barang-barang tersebut dan sekiranya kos memperolehi barang-barang itu daripada punca-punca lain melebihi harga dalam Perjanjian ini Petender hendaklah membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada Petender dan pihak UM juga berhak untuk merampas semua cagaran; atau

[c] menerima barang-barang itu dan mengenakan suatu denda terhadap Petender seperti berikut :-

[i] Bagi kelewatan 8 hingga 30 hari yang pertama denda sebanyak 1% dari barang-barang yang dipesan;

[ii] Bagi sesuatu kelewatan yang melebihi 30 hari, denda sebanyak 1% nilai barang-barang yang dipesan bagi tiap-tiap 15 hari kelewatan itu diteruskan sebagai tambahan kepada denda di bawah perenggan 12[c][1] tetapi tidak melebihi 5% dari nilai barang-barang yang dipesan. Bagi maksud pengiraan denda [ii], sebahagian daripada 15 hari hendaklah dikira 15 hari genap.

13. HAK UM APABILA BARANG-BARANG GAGAL DIBEKALKAN

13.1 Sekiranya Petender masih lagi gagal membekalkan barang-barang dalam tempoh masa yang ditentukan oleh UM iaitu setelah Petender tidak menyerahkan barang-barang tersebut mengikut masa yang ditentukan menurut perenggan 4 atau Jadual Perjanjian ini UM boleh menamatkan Perjanjian ini dan merampas semua cagaran.

13.2 UM dalam melaksanakan haknya yang tersebut di atas tidak akan menerima atau melayan alasan bahawa kegagalan membekal bekalan ke UM adalah kerana pihak prinsipalnya tidak membekal barang-barang kepadanya dalam tempoh yang ditetapkan olehnya, sama ada alasan itu berpunca dari perbuatan manusia ataupun bencana alam “**ACT OF GOD**”.

14. HAK UM MEMBELI DARI LAIN-LAIN PUNCA

14.1 UM berhak membeli barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual “A” daripada punca-punca lain selain daripada Petender bagi maksud percubaan atau keperluan yang tertentu.

15. PEMULANGAN

15.1 Pemulangan barang-barang oleh UM kepada Petender mengikut perenggan 10 hendaklah dibuat dengan memberi notis bertulis dan dihantar dengan pos berdaftar atau dengan tangan kepada Petender dan Petender hendaklah mengambil barang-barang yang dipulangkan tersebut di tempat yang dinyatakan dalam notis dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan notis tersebut yang di alamatkan kepada Petender seperti menurut alamat terakhir Petender dan notis tersebut hendaklah dianggap telah diserahkan dan diterima oleh Petender.

16. HAK UM MEMOTONG DARI WANG YANG UM TERHUTANG KEPADA PETENDER

16.1 Sekiranya Petender gagal atau enggan membayar satu amaun denda, gantirugi pampasan atau lain-lain tuntutan yang dikenakan terhadap Petender mengikut Perjanjian ini, maka UM boleh memotong dari apa-apa wang yang kena bayar oleh UM kepada Petender bagi maksud pembayaran tersebut.

16.2 Bagi maksud perenggan 16.1 sekiranya wang yang kena bayar oleh UM kepada Petender itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan UM, UM boleh menuntut wang itu daripada Petender dan Petender hendaklah membuat pembayaran dengan segera selepas sahaja tuntutan dibuat.

17. PEMBAYARAN

17.1 Pembayaran bagi tiap-tiap satu penyerahan barang-barang akan dibuat oleh UM dalam tempoh tiga puluh [30] hari selepas barang-barang dan inbois diterima daripada Petender. Bayaran penuh bagi sesuatu penyerahan barang-barang tidak boleh dianggap sebagai pengakuan bahawa barang-barang itu adalah mengikut kualiti yang dikehendaki.

18. PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI

18.1 Sekiranya dalam tempoh Perjanjian ini berlaku sebarang perubahan mana-mana kadar duti kastam, cukai jualan, cukai tokok dan eksais terhadap barang-barang tersebut, UM atau Petender boleh memohon bagi maksud mengurangkan atau menaikkan harga barang-barang tersebut;

18.2 Harga barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual “A” tidak boleh diubah tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada kedua-dua pihak mengubah harga tersebut dan ianya tidak akan memberi kesan terhadap barang-barang yang telah dipesan sebelum permohonan itu dibuat.

19. KENAIKAN HARGA

19.1 Petender tidak dibenarkan membuat permohonan untuk kenaikan harga dalam tempoh Perjanjian ini berkuatkuasa kecuali dengan sebab-sebab yang dinyatakan di bawah perenggan 18.1 dalam Perjanjian ini.

20. PERUBAHAN SYARAT-SYARAT DALAM JADUAL

20.1 UM sentiasa berhak mengubah dari masa ke semasa syarat-syarat yang terkandung dalam Jadual dan mulai dari tarikh yang dinyatakan oleh UM barang-barang yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.

20.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran maka harga barang-barang yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.

21. GANTIRUGI KEPADA UM AKIBAT PETENDER MELANGGAR PERJANJIAN

21.1 Petender hendaklah membayar gantirugi kepada UM di atas segala tuntutan, perbelanjaan gantirosak tanggungan, kerugian dan perbicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas UM akibat secara langsung atau tidak langsung pelanggaran Perjanjian ini oleh Petender. Sekiranya bilangan Petender itu melebihi seorang, maka tanggungan dari mereka itu hendaklah disifatkan sebagai bersama dan masing-masing.

22. IKLAN

22.1 Iklan yang berkaitan dengan Perjanjian ini tidak dibenarkan disiarkan dalam mana-mana media massa atau cara-cara pengiklanan yang lain melainkan pengiklanan itu telahpun diluluskan oleh UM terlebih dahulu cara bertulis.

23. PENYERAHAN TANGGUNGJAWAB

23.1 Petender tidak boleh menyerahkan mana-mana tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini atau membuat kontrak kecil bagi melaksanakan Perjanjian ini atau mana-mana tanggungjawabnya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada UM.

24. PEMBERIAN MILIK

24.1 Petender tidak boleh memberi milik Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya atau menggadai janji, menggadai atau mempertanggungjawabkan atau cuba memberi milik, mana-mana juga daripada wang yang kena bayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah Perjanjian ini apa-apa faedah yang terbit dari atau yang mungkin terbit dari Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis UM.

25. PEKERJA

25.1 Bagi barang-barang atau bahagian barang-barang yang diproses dan dibuat di Malaysia oleh Petender, maka Petender adalah dikehendaki mengambil pekerja Warganegara Malaysia sahaja atau mengikut polisi UM semasa untuk melaksanakan Perjanjian ini melainkan jika Petender dapat menunjukkan hingga memuaskan hati UM bahawa bilangan Warganegara Malaysia dalam sesuatu bidang atau sesuatu kemahiran yang dikehendaki untuk menyempurnakan Perjanjian ini tidak dapat dipenuhi.

25.2 Dalam hal perenggan 25.1 Petender dikehendaki mengemukakan penyata-penyata yang berkenaan dengan pekerja-pekerja yang diambil bekerja dengannya apabila dikehendaki oleh UM pada atau dalam masa melaksanakan Perjanjian ini. Sekiranya Petender mengemukakan penyata-penyata palsu, maka UM boleh membatalkan pendaftarannya sebagai seorang Petender UM.

26. MALAPETAKA

- 26.1 UM dan Petender adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang tindakan, ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan Perjanjian sekiranya tindakan, ketinggalan atau kegagalan itu disebabkan oleh malapetaka iaitu rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, bahaya laut atau gangguan-gangguan lain yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak.
- 26.2 Dalam hal perenggan 26.1 Petender hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari terjadinya malapetaka atau gangguan itu memberitahu UM secara bertulis sebab-sebab malapetaka atau gangguan dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mengurangkan kelewatan pembekalan barang-barang dan mengemukakan dokumen-dokumen yang sah bagi menyokong malapetaka atau gangguan tersebut.
- 26.3 Bagi maksud perenggan ini UM berhak menjalankan penyiasatan ke atas kelewatan pembekalan barang-barang yang disebabkan oleh malapetaka atau gangguan itu sekiranya didapati memuaskan hati UM bahawa kelewatan pembekalan barang-barang yang disebabkan oleh malapetaka, maka tempoh masa penyerahan boleh dilanjutkan kepada satu tempoh yang ditentukan oleh UM selepas berunding dengan Petender dan sekiranya UM mendapati sebab-sebab kejadian tersebut adalah tidak benar maka kontraktor bertanggungjawab di atas kelewatan membekalkan barang-barang tersebut dan UM boleh mengambil tindakan menurut perenggan 10, 12 atau 18 Perjanjian ini.
- 26.4 Adalah menjadi tanggungjawab Petender bahawa Perjanjian ini dapat dilaksanakan dengan tidak mengenakan apa-apa kos tambahan kepada UM walaupun satu kejadian malapetaka atau satu gangguan telah berlaku.
- 26.5 Sekiranya Petender tidak memberitahu UM mengenai malapetaka dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah perenggan 26.2. Perjanjian ini maka Petender dianggap bersetuju membekalkan barang-barang menurut Perjanjian ini dan sekiranya kelewatan atau kegagalan pembekalan berlaku maka Petender tidak boleh melepaskan tanggungjawab dengan alasan malapetaka.

27. LANJUTAN TEMPOH PERJANJIAN

27.1 Perjanjian boleh dilanjutkan kepada satu tempoh yang akan ditentukan dengan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Permohonan bagi melanjutkan tempoh Perjanjian ini boleh dibuat oleh mana-mana pihak enam [6] bulan sebelum tamatnya Perjanjian ini.

28. PENAMATAN

28.1 UM boleh menamatkan Perjanjian ini dan merampas cagarannya ;

- [a] Petender melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat atau perenggan dalam Perjanjian ini.
- [b] Petender pada bila-bila masa menjadi bankrap atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya, atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah siputang-sipiutangnya atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digantung [bukan satu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penentuan] atau sekiranya seseorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang siputang dilantik atau sekiranya timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulungan. Dalam hal ini, Petender hendaklah memberitahu perkara berkaitan kepada UM secara bertulis.
- [c] UM mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Petender atau sesiapa yang diambil bekerja dengannya atau bertindak bagi pihaknya sama ada diketahui atau di luar pengetahuan Kontraktor melakukan perbuatan rasuah; atau
- [d] Petender yang tidak mempunyai sesuatu permit atau lesen atau kebenaran yang sah dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa menurut mana-mana peruntukan undang-undang bagi tujuan melaksanakan Perjanjian ini.

- 28.2 Penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak UM untuk mendapat balik ganti rosak atau pampasan mana-mana denda di bawah Perjanjian.
- 28.3 Bagi tujuan penamatan Perjanjian ini UM hendaklah memberi notis bertulis sekurang-kurangnya dua [2] minggu kepada Petender secara berdaftar atau dengan tangan yang dialamatkan kepada Petender seperti alamat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini atau alamat terakhir Petender dan notis tersebut hendaklah dianggap telah diserahkan dan diterima oleh Petender.

29. DUTI STEM

- 29.1 Mana-mana duti stem yang dikenakan bayar dan perbelanjaan yang berbangkit mengenai perjanjian ini akan ditanggung oleh Petender.

30. UNDANG-UNDANG KUASA

- 30.1 Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan KUASA mengikut undang-undang Malaysia dan Mahkamah-Mahkamah Malaysia hendaklah ada bidang kuasa bagi mendengar dan menentukan semua tindakan dan perbicaraan mengenai Perjanjian ini.

31. PERTIKAIAN

- 31.1 Apa-apa pertikaian atau perbezaan yang terbit di antara UM dengan Petender mengenai penafsiran, pengertian atau kuatkuasa Perjanjian atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya yang berhubung dengannya sama ada dalam tempoh Perjanjian ini atau selepas tamat Perjanjian ini hendaklah kecuali jika selainnya dipersetujui dengan bertulis di antara UM dengan Petender, dirujuk kepada seseorang penimbangtara, seorang dilantik oleh UM dan seorang dilantik oleh Petender menurut peruntukan-peruntukan Akta Timbangtara 2005 (Arbitration Act, 2005) atau mana-mana undang-undang yang berkaitan mengenainya berkuatkuasa pada masa itu.

32. ALAMAT

32.1 Semua surat menyurat atau notis mengenai Perjanjian ini hendaklah dihantar dengan surat berdaftar pos bayar dahulu [A.R. REGISTERED] kepada alamat-alamat seperti yang dinyatakan di bawah :-

[a] Bagi pihak UM :
Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Malaya
Jalan Lembah Pantai
59100 KUALA LUMPUR
[U.P : Jabatan Perolehan]
Tel :
Faks :

[b] Bagi pihak Petender :

Tel :
Faks :
Emel :

32.2 Sekiranya berlaku pertukaran alamat-alamat seperti yang dinyatakan di perenggan 32.1 maka pihak berkenaan hendaklah memberitahu dengan bertulis kepada pihak yang lagi satu alamat barunya.

32.3 Segala surat dan notis akan dianggap diterima oleh penerima tiga [3] hari selepas surat itu diposkan dan kad A.R. berdaftar yang dipulangkan oleh pihak pejabat pos hanya dianggap sebagai bukti tambahan bahawa sesuatu notis atau surat telah dihantar.

33. SYARAT-SYARAT TENDER/ SURAT TAWARAN

33.1 Adalah dengan diperakui dan TENDER SURAT/JADUAL-JADUAL dipersetujui bahawa syarat-syarat tender _____ surat tawaran _____ dan Jadual-Jadual "A" bagi Perjanjian ini hendaklah dibaca bersama-sama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

34. KESAN PERJANJIAN

34.1 Perjanjian ini hendaklah dianggap sebagai perjanjian yang keseluruhannya dan menggantikan semua perjanjian dan jaminan sebelum perjanjian ini.

CONTOH

PENGAKUSAKSIKAN OLEH PIHAK YANG MENANDATANGANI KONTRAK

Perjanjian ini telah ditandatangani oleh wakil-wakil bagi pihak-pihak dalam Perjanjian ini yang diberikan kuasa berbuat demikian pada hari dan tahun yang mula-mula tercatat di atas

Untuk dan bagi pihak

Untuk dan bagi pihak

UNIVERSITI MALAYA

XXX BHD

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

Cop Rasmi :

Di hadapan

Di hadapan

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

No. Kad Pengenalan :

No. Kad Pengenalan :

Cop Rasmi :

JADUAL "A"

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>BUTIR-BUTIR</u>
1.	NAMA PETENDER	
2.	ALAMAT PETENDER	
3.	NAMA BEKALAN	
4.	KUANTITI YANG PERLU DIBEKAL	Rujuk BK-MRD-029
5.	HARGA	RM _____
6.	MASA TARIKH BEKALAN PERLU SAMPAI DIPIHAK HOSPITAL Rujuk BK-MRD-029	Misalnya; 1] pada atau sebelum [untuk hantar sekali sahaja] atau ; 2] pada hari setiap [minggu/bulan] dari [untuk sesuatu tempoh]
7.	TEMPAT DI MANA BEKALAN HARUS DIHANTAR SERAH	
8.	TEMPAT / NEGARA BEKALAN DIBUAT	Rujuk BK-MRD-029